

Najib sakit lutut, bicara ditangguh ke Khamis

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mungkin perlu menjalani pembedahan sekiranya rawatan yang sedang diberikan kepadanya ekoran sakit lutut akut tidak mengurangkan kesakitannya atau memberikan kelegaan.

Pakar Perunding Kanan Ortopedik, Jabatan Ortopedik dan Traumatologi Hospital Kuala Lumpur, Dr. Siti Hawa Tahir memaklumkan perkara itu ketika ditanya oleh Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Collin Lawrence Sequerah di sini semalam.

Terdahulu, pakar terbabit memaklumkan, Najib telah dirujuk kepadanya oleh Jabatan Penjara kelmarin dan mula diberikan opioid.

"Sebelum ini, kami telah memberikan rawatannya untuk lutut kirinya tetapi semalam (kelmarin) beliau mengadu sakit pada lutut kanan. Disebabkan beliau mempunyai alahan terhadap beberapa jenis ubat, jadi kami telah memberikan opioid iaitu sejenis analgesia yang kuat bagi merawat kesakitannya.

"Ubat tersebut akan memberi kesan terhadap minda beliau, akan menyebabkan rasa mengantuk dan beberapa simptom lain. Beliau juga mengadu mengalami rasa mengantuk sejak kami mula berikan ubat kepadanya semalam," kata Dr. Siti Hawa.

Ditanya sama ada bekas Perdana Menteri itu boleh menghadiri prosiding dengan meng-



HAKIM Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menangguhkan prosiding Najib Tun Razak yang didakwa menerima suapan berjumlah RM2.28 bilion ke Khamis ini.

gunakan kerusi roda, doktor berkenaan menyatakan pasukan perubatan termasuk 'resuscitation trolley' perlu diletakkan dalam keadaan bersedia di mahkamah bagi memastikan pesakit tidak mengalami kesan yang teruk akibat opioid.

"Saya tidak boleh memberi sebarang pandangan mengenai bila keradangan (yang dialami Najib) akan sembuh kerana ia bergantung kepada individu itu sendiri. Jadi kami perlu pastikan beliau sesuai dengan rawatan yang diberikan atau (jika tidak) kami mungkin perlu melakukan prosedur lain

termasuk pembedahan," kata pakar perubatan itu.

Sehubungan itu, Hakim Sequerah turut menangguhkan pendengaran hujahan di akhir kes pendakwaan yang sepatutnya memasuki hari keenam semalam ke Khamis ini bagi mengetahui status kesihatan terkini Najib.

Sementara itu, Hakim Sequerah turut memaklumkan bahawa hujahan di akhir pendakwaan itu perlu berakhir pada 4 Oktober ini.

Pada tarikh tersebut, mahkamah dijangka menetapkan tarikh keputusan di akhir

kes pendakwaan.

Sebelum ini, hakim terbabit menetapkan 30 September ini untuk pihak-pihak menamatkan hujah masing-masing sebelum keputusan akhir pendakwaan dijangka dibuat sekitar November ini.

"Kita kehilangan dua hari yang berharga yang saya kira sebagai cuti sakit. Kita akan bersambung pada Khamis ini," katanya.

Najib berdepan empat tuduhan menggunakan kedudukannya mendapatkan suapan berjumlah RM2.28 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram melibatkan jumlah sama.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda sehingga lima kali jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi, jika didapati bersalah.

Bagi 21 pertuduhan pengubahan wang haram, Najib didakwa melakukan perbuatan itu di antara 22 Mac 2013 dan 30 Ogos 2013.

Kesemua pertuduhan mengikut Seksyen 4 (1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM5 juta dan penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan kesalahan.